*MBPJ-MPK(U/PL)-01B-03*

**RM 5.00 SENASKAH**

**No. Siri : AA 000000**

مجليس بانداراي ڤتاليڠ جاي

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**
**JALAN YONG SHOOK LIN,46675 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN**
**TEL : 03-79604667 FAKS : 03-79603725**

# BORANG PERMOHONAN LESEN PUSAT SIBER & KAFE SIBER DAN PAPAN TANDA

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

**UNTUK KEGUNAAN PENERIMAAN BORANG KAKITANGAN DI KAUNTER**

CONTOH

Borang ini diterima oleh :

Tandatangan : ______________________

Nama : ______________________

No. Akaun : ______________________

**Cap Terima**

---

**SALINAN PEMOHON**

**No. Siri :**

AKUAN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN LESEN PUSAT SIBER & KAFE SIBER DAN PAPAN TANDA

Maklumat permohonan (No. Akaun : ______________________)
Sebarang maklumat mengenai permohonan anda boleh berurusan di Bahagian Pelesenan selepas dua (2) minggu dari tarikh borang diterima dengan menghubungi talian berikut : 03-79604667, 03-79566922 sambungan 111/115/117/119/123/125

**Cap Terima**

Tandatangan : ______________________

Borang ini diterima oleh : ______________________

## Panduan Mengisi Borang Permohonan

1. Lengkapkan borang ini dengan HURUF BESAR menggunakan pen mata hitam atau biru tua sahaja.
2. Isi keterangan di kotak yang disediakan.
3. Kategori :
   **Bahagian A, B, C, E** : Garis panduan
   **Bahagian D, F, G, H,** : Borang yang perlu diisi

4. Setiap salinan dokumen yang dilampirkan hendaklah menggunakan saiz kertas tidak kurang daripada saiz A4

## Bahagian A

### Proses Kerja Permohonan Lesen Pusat Siber

PROSES PERMOHONAN BARU LESEN PUSAT SIBER




PROSES PEMBAHARUAN LESEN PUSAT SIBER




---

AKUAN PENERIMAAN BORANG PERMOHONAN BARU LESEN PUSAT SIBER & KAFE SIBER DAN PAPAN TANDA

Nama Syarikat : ____________________

Alamat Premis : ____________________

____________________

____________________

____________________

Aktiviti Dipohon : ____________________

Temujanji Pemeriksaan :

**Bahagian B**

## GARIS PANDUAN AM DAN SYARAT-SYARAT PERMOHONAN LESEN PUSAT SIBER

| BIL. | PERKARA | SYARAT-SYARAT |
|---|---|---|
| 1. | Pengurusan | a. Tidak dibenarkan menggaji **pekerja asing** atau pekerja dibawah umur 18 tahun.<br>b. Pekerja perlu mendaftar bagi mendapatkan pas/ kad pekerja yang akan dikeluarkan oleh Majlis.<br>c. Pengusaha Pusat Siber dan Kafe Siber hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa (minima 2 orang) bagi mengawasi setiap aktiviti di premis mereka.<br>d. Pengusaha perlu memasang 'firewall' sebagai 'web filtering' untuk menghalang akses kepada laman web lucah, perjudian atau apa—apa laman web yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.<br>e. Pengusaha perlu memasang perisian 'B3 Café' atau apa—apa perisian yang sama yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor. Setiap permohonan perlu disertakan dengan invois perisian 'B3 Café' atau apa - apa perisian yang sama sebagai dokumen sokongan. |
| 2. | Aktiviti yang dibenarkan | a. Aktiviti utama yang dibenarkan bagi pusat siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet, perkhidmatan perisian dan perkhidmatan lain yang berkaitan dan boleh menyediakan kemudahan jualan makanan dan / atau minuman kepada pelanggannya dengan syarat memohon lesen establisymen makanan.<br>b. Aktiviti permainan atas talian atau 'server game' adalah dibenarkan dengan mematuhi undang—undang bertulis lain yang terpakai di Malaysia.<br>c. Pemegang lesen hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti tidak bermoral berlaku di premis mereka sepanjang masa operasi, |
| 3. | Butiran pelanggan | a. Pengunjung Pusat Siber perlu menunjukkan kad pengenalan/ pasport semasa mendaftar.<br>b. Pemegang lesen hendaklah memasang peranti pengimbas MyKad Solution untuk pendaftaran pengguna.<br>c. MyKad Solution akan merekod butiran—butiran pengunjung seperti berikut :<br>1. Nama Pelanggan<br>2. Nombor Kad Pengenalan<br>3. Umur<br>4. Masa mula dan tamat perniagaan<br>5. Nombor telefon (sekiranya perlu)<br>6. IP komputer dan IP talian internet yang digunakan. |
| 4. | Masa operasi | a. Masa operasi bagi Pusat Siber dan Kafe Siber adalah dari pukul 7.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah malam atau pada jam yang dibenarkan oleh pihak Majlis sahaja.<br>b. Bagi pengunjung dibawah umur 12 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjung Pusat Siber dan Kafe Siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja. |
| 5. | Kawasan Operasi | a. Pusat Siber dan Kafe Siber dibenarkan beroperasi di kawasan berikut :-<br>1. Kompleks Perniagaan.<br>2. Rumah Kedai/ Kedai Pejabat (Tingkat Bawah dan Tingkat satu sahaja)<br><br>1. Pusat Siber dan Kafe Siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti masjid dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh pihak Majlis. Jaerak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang—kurangnya 500 meter radius daripada kawasan tersebut. |
| 6. | Larangan—larangan | a. Larangan—larangan yang perlu dipatuhi oleh pengunjung Pusat Siber dan Kafe Siber adalah seperti berikut :-<br>1. Menjalankan apa—apa bentuk aktiviti perjudian.<br>2. Memuat naik, memuat turun atau mengakses gambar atau mencetak, video atau artikel kurang sopan atau lucah dan yang berunsur hasutan.<br>3. Menjual apa—apa bahan bercetak yang berunsur negative dan lucah.<br>4. Menjual apa—apa bentuk aktiviti hiburan termasuk muzik siar pusat (pipe music)<br>5. Pelajar berpakian seragam sekolah di dalam premis.<br>6. Menjual atau menggunakan minuman beralkohol, rokok atau dadah berbahaya di premis.<br>7. Menayangkan atau mempamerkan apa—apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia<br>8. Melakukan apa—apa aktiviti kurang sihat di dalam premis |

| BIL. | PERKARA | SYARAT-SYARAT |
|---|---|---|
| 7. | Syarat—Syarat Am Rekabentuk Pusat Siber | a. Pintu hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau benda lutsinar lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa—apa bahan yang menghalang penglihatan.<br>b. Premis hendaklah berkonsep terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang baik.<br>c. Kedudukan computer hendaklah diletakkan dalam ruangan yang terbuka iaitu tidak berbilik, tidak berpintu dan tidak dibenarkan penggunaan 'partition'.<br>d. Papan tanda bersaiz 2' x 2 ' yang menyatakan larangan—larangan di 6.a dan syarat masa operasi diselaraskan dan dipamerkan di pintu masuk hadapan premis.<br>e. Bilangan komputer yang dibenarkan adalah berdasarkan ukuran : tidak kurang 0.8m x 1.5m = 1 unit komputer.<br>f. Bilangan computer minima bagi setiap premis pusat siber ialah 40 unit.<br>g. Menyeragamkan papan tanda Pusat Siber atau Kafe Siber dengan penggunaan nama Pusat Siber Sihat.<br>h. Aktiviti penyediaan atau penjualan makanan dan minuman hendaklah di ruangan yang berasingan daripada aktivit Pusat Siber dan Kafe Siber.<br>i. Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar hendaklah boleh diakses pada setiap masa semasa waktu operasi. |
| 8. | Penjualan minu-man keras dan rokok | a. Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber dan cyber café<br>b. Pelanggan juga dilarang membawa masuk sebarang minuman keras dan rokok daripada luar. |

## Bahagian C

**Senarai keperluan permohonan**

**1. Dokumen Am Yang Diperlukan**

1.1 Salinan Kad Pengenalan / Pasport

1.2 Syarikat Sendirian Berhad
- Borang 9 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian)
- MAA (Memorandum And Articles Of Association) - 1 set
- Borang 24 (Pemegang Saham)
- Borang 49 (Pemilikan Syarikat)

1.2 Syarikat Enterprise / PLT
- Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan)
- Maklumat Perniagaan (mempunyai alamat premis dipohon)
- Maklumat Pemilik Masa Kini.

1.2 Sijil pendaftaran persatuan pertubuhan atau kelab

1.2. Sijil Pendaftaran / Pertubuhan / Persatuan / Kelab

1.3. Perjanjian Penyewaan Premis yang dimatikan setem
atau
Perjanjian Jual Beli
Atau
Salinan surat tawaran perjanjian penyewaan
(perlu cop pesuruhjaya sumpah)

1.4 Lakaran Pelan Lantai Premis.

1.5 Surat rasmi membenarkan wakil bagi permohonan yang di-hantar menggunakan orang perantaraan.

1.6 Surat sebab tidak memerlukan iklan (bagi premis yang tidak memohon papan iklan)

1.7 Sesalinan invois pemasangan aplikasi 'B3 Café'

1.8 Surat akujanji

**Bahagian D** **Butir-Butir Pemohon dan Perniagaan**

**Butir-butir pemohon**

1. Nama Penuh :

2. No. K/P : – – Pasport :

3. Warganegara : 4. No. Telefon : –

5. Jawatan :

6. Alamat Kediaman :

**Butir-butir perniagaan**

1. Nama Syarikat :

2. Pendaftaran Syarikat :

3. Alamat Premis Perniagaan Yang Dipohon :

4. No. Telefon : –

5. No. Faks : –

6. Waktu menjalankan perniagaan : : am / pm hingga : am / pm

7. Jenis Premis :

☐ Rumah Kedai/Kedai Pejabat

☐ Kompleks Membeli Belah

☐ Lain-Lain (Sila nyatakan)

8. Kedudukan Premis : ☐ Tengah ☐ Tepi ☐ Bersendiri

9. Luas Lantai : meter persegi

10. Bilangan Komputer :

11. Jenis Aktiviti yang Dipohon : ☐ Kafe Siber ☐ Pusat Siber

12. Jika aktivti lesen yang dipohon ialah kafe siber sila nyatakan no. akaun lesen sementara Establisymen Makanan

No. akaun lesen sementara establisymen makanan MBPJ : –

## Gambar Premis

1. Gambar Hadapan Premis

*- TAMPAL GAMBAR DISINI -*

2. Gambar Dalam Premis

*- TAMPAL GAMBAR DISINI -*

## Bahagian E — Keperluan Permohonan Lesen Iklan

**Syarat-Syarat Permohonan Iklan**

1. Permohonan untuk lesen iklan hendaklah mematuhi Undang-undang Kecil Iklan MBPJ 2007 dan syarat-syarat berkenaan.

2. Iklan atau papan tanda tidak boleh dipasangkan sebelum lesen diperolehi.

3. Pemohon hendaklah mengemukakan **3 set** pelan lakar yang **berwarna** dengan **saiz kertas A3** dan mengikut format ditetapkan yang mengandungi :-

   **a)** Ilustrasi terperinci Iklan yang menunjukkan

   - i. Ukuran Papan Tanda (Unit Meter)
   - ii. Menyatakan aktiviti dalam bahasa kebangsaan Malaysia.
   - iii. Nama syarikat di sudut bawah sebelah kanan
   - iv. Meletakkan perkataan MBPJ/NO.AKAUN/TAHUN LULUS pada ilustrasi yang dihantar di sudut bawah sebelah kiri.
   - v. Nyatakan samada iklan bercahaya atau tidak.

   **b)** Gambar kedudukan iklan
   **c)** Pelan lokasi dimana iklan akan dipasang
   **d)** Nama dan tandatangan pemohon
   **e)** Cap Perniagaan

4. Lakaran tangan dan cetakan ilustrasi hitam putih tidak akan diterima.

5. Unjuran keluar dari sempadan lot bangunan rumah kedai hanya dibenarkan sejauh :-

   a) 600mm bagi ketinggian tidak kurang 2.75m dari paras jalan
   b) 1200mm bagi ketinggian tidak kurang 5.00m dari paras jalan

6. Permit struktur daripada Jabatan Kawalan Bangunan MBPJ jika iklan yang didirikan mempunyai struktur hingga ke bumbung bangunan. Iklan yang menutup tingkap adalah tidak dibenarkan, jika pemasangan tetap ingin dibuat sila lampirkan kelulusan Jabatan Bomba

7. Sekiranya papan tanda bercahaya, hanya lampu jenis yang tidak berkelip sahaja boleh digunakan

8. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan bahasa-bahasa lain. Jika Bahasa Malaysia digunakan bersama bahasa lain, perkataan dalam Bahasa Malaysia hendaklah berukuran 30% lebih besar daripada bahasa lain, diutamakan dari segi kedudukan, digunakan dalam nahu yang betul dan perkataan tersebut **mestilah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)** terlebih dahulu.

| Jenis-Jenis Iklan (Papan Tanda) | Kriteria |
|---|---|
| Contoh :   | - Dipasang pada dinding.<br>- Tidak menutup aras tingkap dan bersaiz 'beam'.<br>- Perlu mendapatkan kelulusan perkataan pada visual visual daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). |

**JADUAL KADAR FI IKLAN MBPJ**

| Bil | Jenis iklan | Keluasan/ kuantiti | Fi tahunan |
|---|---|---|---|
| 1. | Iklan tidak bercahaya | (a) Tidak melebihi lapan meter persegi;<br><br>(b) Bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya, diukur meliputi keluasan iklan dipamerkan | RM100.00<br><br>RM10.00 |
| 2. | Iklan bercahaya | (a) Tidak melebihi lapan meter persegi;<br><br>(b) Bagi tambahan setiap satu meter persegi atau sebahagiannya, diukur meliputi keluasan iklan dipamerkan | RM150.00<br><br>RM15.00 |

Aktiviti Premis dalam
Bahasa Kebangsaan

6.21 m

**a.**




1.21m

MBPJ/ NO.AKAUN LESEN/ TAHUN

***Ilustrasi 1***

Nyatakan nama dan nombor pendaftaran

1. Perkataan ini harus ada pada ilustrasi yang hendak dihantar.
2. No. Akaun lesen yang sebenar perlu diletakkan di papan iklan selepas lesen dikeluarkan.

0.91 m

3.65 m




***Ilustrasi 2***

**b.**




***Gambar Kedudukan Iklan***

**c.**




***Pelan Lokasi***

| | |
|---|---|
| Untuk Kegunaan Pejabat | |
| Cadangan Mendirikan Papan Iklan Di No. | |
| Nama & Tandatangan Pemohon. **d.** | |
| Cap Syarikat **e.** | |

**Bahagian G** **Butir—Butir Papan Tanda, Akuan Pemohon, Akuan Tuan Punya Bangunan/ Tanah**

| No | Ukuran (dalam meter) | | | Kategori | | Bil. Unit | Bil. Muka | Lokasi Pemasangan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Panjang | Lebar | Luas | Bercahaya | Tidak Bercahaya | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |
| | | | | | | | | |

## PENGAKUAN PEMOHON

Saya __________________________________________________No. K/P ______________________
Mengakui bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar. Saya berjanji akan mematuhi segala syarat dan peraturan undang—undang yang berkaitan dalam pengeluaran lesen.

Saya bersetuju sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu atau saya gagal mematuhi syarat—syarat pengeluaran lesen, Pihak Berkuasa Melesen Majlis Bandaraya Petaling Jaya berhak untuk membatalkan permohonan lesen ini.

___________________________________
Tandatangan Pemohon dan
Cap syarikat beralamat premis

Tarikh permohonan : ___________________

## PERSETUJUAN TUAN PUNYA BANGUNAN/ TANAH

Saya ________________________________________________________________________
*Nama tuan punya bangunan/ tanah)*

Beralamat, ___________________________________________________________________
___________________________________________________________________

Tuan punya bangunan / tanah yang diperihalkan di atas, bersetuju dengan aktiviti perniagaan
____________________________________________________________ yang dengannya dipohon dengan ini.

___________________________________
(Tandatangan tuan punya tanah)

Nama : ___________________________________

No. K/P : ___________________________________

*(Fasal Akuan)*

*(Jika ada tuan punya lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi tiap—tiap satu*

**Bahagian H** **SENARAI SEMAK KEPERLUAN PERMOHONAN**

| Bil | Perkara | Kategori Dokumen | Semakan Dokumen Oleh Pemohon | Semakan Dokumen Oleh Petugas Kaunter | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Ada | Ada | Tiada |
| 1. | Salinan Kad Pengenalan/ Pasport | Wajib | | | |
| 2. | Syarikat Sendirian Berhad<br>Borang 9 (Perakuan Pemerbadanan Syarikat Sendirian)<br>MAA (Memorandum And Articles Of Association) - 1 set<br>Borang 24 (Pemegang Saham)<br>Borang 49 (Pemilikan Syarikat) | Syarikat Sendirian Sahaja | | | |
| 2. | Syarikat Enterprise / PLT<br>Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan)<br>Maklumat Perniagaan (mempunyai alamat premis dipohon)<br>Maklumat Pemilik Masa Kini. | Perniagaan Enterprise Sahaja | | | |
| 2. | Sijil Pendaftaran Pertubuhan/ Persatuan/ Kelab/ Pendaftaran Badan Profesional | Pertubuhan/ Kelab/ Badan Profesional Sahaja | | | |
| 3. | Perjanjian Penyewaan Premis yang dimatikan setem<br>Atau<br>Perjanjian Jual Beli<br>Atau<br>Salinan surat tawaran perjanjian penyewaan<br>(perlu cop pesuruhjaya sumpah) | Wajib | | | |
| 4. | Lakaran Pelan Lantai | Wajib | | | |
| 5. | Akujanji | Wajib | | | |
| 6. | Surat sebab tidak memerlukan iklan (bagi premis yang tidak memohon papan iklan) | Jika Berkaitan | | | |
| 7. | Surat rasmi membenarkan wakil bagi permohonan yang dihantar menggunakan orang perantaraan. | Jika Berkaitan | | | |
| 8. | Dokumen tambahan seperti yang dinyatakan di Bahagian B, Mukasurat 3 & 4 | Jika Berkaitan | | | |
| 9. | Lain – Lain Dokumen Yang Diperlukan<br>……………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………<br>……………………………………………………………………<br>…………………………………………………………………... | Jika Berkaitan | | | |

**Bahagian F**

Panduan pengisian borang :

1. Sila lekatkan ilustrasi, kedudukan iklan dan pelan lokasi seperti contoh di mukasurat 6
2. Borang ini hendaklah dibuat dalam 3 salinan, berwarna dan bersaiz A3

# BORANG PERMOHONAN IKLAN

| | |
|---|---|
| | Untuk Kegunaan Pejabat |
| | Cadangan Mendirikan Papan Iklan Di No. |
| | Nama & Tandatangan Pemohon. |
| | Cap Syarikat |